

Saya Bersyukur Dan Tidak Menjangka Bahawa Akan Menang - Mohd Ezyree Bin Jakaria

Oleh Nor Alieza bt. Ahmad Azni

Kota Kinabalu, 18 Mei – Juara pertandingan karaoke Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens, Muhamad Ezyree Bin Jakarta, 21, kata bahawa dia berasa bersyukur dan tidak menjangka bahawa dia terpilih untuk memenangi pertandingan tersebut.

Dia yang membawakan lagu ‘Bahagiamu Deritaku’ nyanyian artis terkenal Hafiz Suip, kelihatan teruja di atas kemenangan tersebut.

“Saya berasa seronok dapat menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh kolej kediaman ini, Hal ini kerana menyanyi memang merupakan salah satu daripada hobi saya dan saya sememangnya berasal daripada keluarga seni,” katanya.

Naib juara yang ditemubual, Sharadjane Binti Rasul, 23 tahun pula turut melahirkan perasaan gembira kerana terpilih untuk menjadi naib juara pertandingan tersebut.

Dia yang merupakan pelajar tahun akhir jurusan Ekonomi Kewangan UMS kelihatan sangat gembira ketika ditemubual.

“Saya sekadar cuba menyertai pertandingan ini dan bersyukur kerana diberi kepercayaan oleh juri untuk menjadi naib juara bagi pertandingan ini,” katanya.

Berkongsi hobi yang sama seperti juara pertandingan, dia mengakui bahawa dia amat meminati bidang nyanyian namun tidak bergiat aktif dalam bidang tersebut.

Pemenang pertandingan ini masing-masing menerima hamper dan sijil penyertaan.

Kolej Kediaman Tun Fuad Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan pertandingan karaoke sempena program majlis gotong-royong versi 2.0 dengan kerjasama sekretariat dan jawatankuasa kolej kediaman itu.

Pertandingan karaoke ini bertujuan untuk mencungkil bakat terpendam residen-residen kolej kediaman Tun Fuad di samping mengisi waktu lapang pelajar-pelajar pada hujung minggu dengan aktiviti yang berfaedah.

Pertandingan ini bermula pada jam 10.30 pagi dan mendapat penyertaan seramai 20 orang daripada warga kolej tersebut.

Biarpun hanya 20 orang yang menyertai pertandingan ini, namun persaingan sengit jelas kelihatan antara peserta kerana masing-masing mempunyai vokal suara yang unik dan mantap.

Juri-juri bagi pertandingan karaoke ini adalah Encik Masran Bin Tamin merangkap felo kolej serta Khairul Azmi Bin Mustafa yang merupakan mantan jawatankuasa kolej tersebut.

Pertandingan karaoke tersebut berakhir pada kira-kira jam 2 petang.

Selain pertandingan karaoke, kolej kediaman tersebut turut menganjurkan pertandingan bola jaring dan *street soccer* selepas majlis gotong-royong tersebut.



Juara pertandingan karaoke Kolej Kediaman Tun Fuad Stephens senyum gembira.